

# Roshasmezan Hashim

## seniman visual dua persama

4B 17.6.2018 B2



CATATAN  
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN  
MOHD ARUS

**B**ERMULA dari galakan teman mengajar sebagai guru sandaran, cikgu Rozhasmezan bin Hashim menemui kendiri nya yang memiliki bakat seni visual yang selama ini beliau hanya cenderung kepada melukis pelan atau draftsman sahaja. Beberapa kali beliau memohon untuk mengikuti pengajian seni lukis di institut pengajian tinggi, namun beberapa kali beliau gagal kerana tidak cukup syarat membuatkan hampir putus asa.

Namun segala perjalanan hidup di tentukan oleh Allah maka dengan kata peranggang dari seorang sahabat beliau akhirnya berjaya mengikuti pengajian di Universiti ITM Shah Alam dengan tawaran kursus seni arca setelah melalui beberapa rintangan dan pengorbanan waktu yang agak lama.

Walaupun pada dasar peluang pekerjaan sebagai seorang arcawan adalah tidak terjamin namun minat serta keazaman untuk belajar di institut pengajian tinggi sangat kuat maka beliau

menerima tawaran tersebut. Semasa mengikuti kursus seni arca di UITM beliau dapat mengikuti kuliah studio dari tokoh arcawan negara seperti Ramlan Abdullah seorang arcawan terkenal antara bangsa, Hj. Zakaria Awang, serta Bayu Utomo arcawan legend Malaysia.


Melalui didikan serta pengaruh personaliti serta tokoh yang hebat ini Roshasmezan akhirnya yakin bahawa menjadi perek bentuk tiga dimensi memerlukan ketekunan dan komitmen untuk mengikuti jejak mentor mentor beliau semasa berkuliah di UITM.

Beliau merasakan kehidupan sebagai mahasiswa di Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah berjaya membekalkan ilmu yang sangat di perlukan oleh beliau dengan kumpulan tenaga pengajar yang berwibawa dan mahir membentuk dirinya pada hari ini sebagai seorang kreatif dan inovatif semasa mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Seni Halus dalam pengkhususan Seni

Arca. Pada semester satu dan dua, beliau telah diajar oleh Wan Ahmad Bin Mohamed, Wan Muhammad Zulkifi Bin Wan Ahmad dan lain-lain pensyarah secara asas untuk mencipta karya seni.

Beliau mulai belajar menghasilkan arca dengan menggunakan acuan ringkas dari bimbingan Prof Madya Dr Ahmad Rashidi Bin Hasan. Seterusnya proses penciptaan arca berbagaimana teknik dan media di pimpin oleh Prof Madya Dr Zakaria Awang, kaedah arca awam dari Prof Madya Dr Ariffin Bin Mohd Ismail dan seterusnya melengkapkan kefahaman ilmu arca dibimbing oleh Prof Madya Dr Ramlan Bin Abdullah.

Tokoh tokoh yang disebutkan seperti di atas telah menjadikan Roshamezan bukan sahaja sebagai seorang arcawan yang kukuh bahkan juga seorang pendidik yang berdedikasi terhadap pelajar seni visual beliau di duabuah sekolah yang pernah beliau berkhidmat sekolah Menengah Kebangsaan



SIPUT Borneo . Asemblaj. 2010

yang boleh dilakar dan dilukis. Sebagai seorang yang kreatif selepas menerima ijazah Sarjana Teknologi Seni Visual di Universiti Malaysia Sabah beliau mulai lebih aktif membuat penerokaan dengan menggunakan bahan binaan umpamanya asbestos, papan lapis, kaca ,paku, logam berbagai-bagi jenis dan sebagainya.

Di samping itu Roshamezan tidak membendung dan menolak pemilihan hal benda serta disiplin seni yang ingin diterokai beliau misalnya sejak tahun 2015 sehingga tahun 2017 beliau telah mengambil bahagian dalam projek tahunan Installation at the Bay anjuran Dewan Bandaran Kota Kinabalu satu usaha sama badan NGO dengan kerajaan dengan menghasilkan ciptaan instalasi yang menarik serta matang yang berkaitan dengan pencemaran laut dan kehidupan. Beliau lebih aktif memperkenalkan karya lakaran serta lukisan bukan sahaja di negeri Sabah dan Kuala Lumpur malah pernah mengambil bahagian di Pameran Bornean Artist's "Precious Life", di Gallery Mona, Azabu Minato-Ku, Tokyo, Japan pada tahun 2011. Beliau juga menjadi pemenang pertandingan seni lukis jemputan umpamanya Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah dan Pameran Karya Jemputan Negeri Sabah beberapa kali dan tidak ketinggalan mempamerkan karya beliau dibawah anjuran Persatuan Seni Visual Negeri Sabah (PSVS) di Semenanjung Malaysia.

Sebagai pelukis dan pendidik seni beliau tidak puas dengan membaca serta menerima idea dari tokoh tokoh seni visual tempatan ,semangat untuk mendalamai visual perkembangan seni amat kuat akhirnya beliau kini sedang mengikuti pengajian di peringkat kedoktoran dengan kajian "Pengaruh Budaya Dalam Karya Rekabentuk Tiga Dimensi di Negeri Sabah" pada tahun 2017. Kajian ini juga bertitik tolak dari kajian terdahulu beliau semasa mengambil Ijazah Sarjana Seni Halus di Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2016.

Biasanya beliau lebih senang melukis dengan ballpoint kerana merasakan alat tulis tersebut senang di beli di mana sahaja dan ia menerima apa sahaja satah

Melalui penerokaan semasa mengumpul data penyelidikan peringkat sarjana beliau telah berjaya mengumpul hampir dua ratus bentuk bentuk arca tempatan dari peringkat Cliche hingga keperingkat profesional.

Salah sabuah karya beliau yang ingin di bincangkan oleh penulis bertajuk "Siput Borneo" agak unik karya arca asemblaj kotak (Box Assemblages) yang di ilhamkan oleh arcawan Amerika Joseph Conell terkenal pada tahun 1960. Karya tersebut beraliran Constructivism berkembang di Russia pertengahan abad ke 19 di mana seni visual dianggap sebuah binaan bukan sebagai ilusi di mana pelukis menyusun kulit Siput Belitung yang mempunyai kulit yang menarik terkenal di Borneo dalam sebuah kotak kayu diibaratkan umpama pembungkusan ataun(Packaging) komersial.

Di samping itu karya ini menggamit nostalgia



ROZHASMEZAN bin Hashim.

khalayak dengan susunan batu karang yang di letakkan di sebelah dinding kiri kotak tersebut serta cangkerang yang dapat di pantai negara kita . Bagi menggamit kenangan masyarakat bahawa replika berbentuk fossil


siput tertua zaman dinosaurus terdapat juga di susun di sebelah bawah bahagian kota tersebut bagi mencadangkan bahawa fossil tersebut terdapat di dasar lautan yang juga menyebabkan terhasilnya minyak bahan bakar dan gas di benua kecil ini.

Sindiran yang di buat oleh pelukis terhadap kapitalis yang tamak tmemasarkan apa sahaja warisan bumi untuk tujuan ganjaran bagi kekayaan mereka. Sebuah ciptaan karya yang matang dan istemewa terutamanya di kalangan karya tempatan. Sepatutnya Roshamezan terus meneroka kaedah Box Assemblage ini dengan lebih mendalam dan mungkin mendapat mencipta identiti karya beliau yang baru. Sepatutnya beliau boleh meneroka karya tersebut dengan menambahkan warna dan membesarkan saiz kotak tersebut di mana banyak lagi cerita boleh di utarakan

Justeru itu keunikan karya tersebut telah di lamar dan menjadi milik kolektor di negara matahari terbit pada tahun 2012.

Sebuah lagi karya arca yang dihasilkan oleh beliau yang menjadi wacana penulis bertajuk Line to Create Form atau garisan mencipta bentuk satu percubaan yang berani memandangkan arca garisan atau linear yang di anggap genre seni arca yang baru di negeri Sabah. Pelukis sangat terpengaruh dengan teknik arcawan Naum Gabo, Pevsner, dan Archipenko yang popular di Eropah sekitar tahun 1940an. Oleh sebab itu karya arca garisan tersebut merujuk karangan laut dengan membentuk karya mujarad yang menggetarkan minda khalayak.Karya seperti ciptaan Roshamezan sangat asing di persada senario tempatan , dengan membawa reka bentuk baru sekurang-kurangnya akan menceriakan arena seni visual negeri Sabah.


Jelas sekali seorang pelukis yang membawa dua watak sebagai pendidik dan juga pelukis adalah sesuatu yang sangat bermakna kerana melalui jiwa pelukis seorang pendidik seni akan dapat menyelami hati budi anak didiknya dengan lebih mendalam dan melalui keterampilan beliau sebagai seorang pelukis maka sesabuah karya yang berhasil lebih menyerlah dan membawa impak yang berterusan. Menurut Roshamezan lagi beliau sangat cintakan garisan ,merujuk kepada pelukis Chester Armstrong "I am in love with line .....Sculpture is nothing more than hundreds of different lines, profile, silhouettes ,seen from as many different angles".




SIRI motif Sapit. Cetakan Kayu.

(Box Assemblages) yang di ilhamkan oleh arcawan Amerika Joseph Conell terkenal pada tahun 1960. Karya tersebut beraliran Constructivism berkembang di Russia pertengahan abad ke 19 di mana seni visual dianggap sebuah binaan bukan sebagai ilusi di mana pelukis menyusun kulit Siput Belitung yang mempunyai kulit yang menarik terkenal di Borneo dalam sebuah kotak kayu diibaratkan umpama pembungkusan ataun(Packaging) komersial.

Di samping itu karya



LINE to create form .arca besi. 2011.



EXPRESSION of Sabah Lukisan. 2000

Telaga,Pitas dan SMK Pitas,Sabah sehingga kini.

Anak muda kelahiran Kampung Kendong, Kota, Rembau, Negeri Sembilan ini telah bermastautin di negeri bawah bayu selama hampir dua puluh tahun dan setelah tamat mengikuti kursus tambahan Diploma Pendidikan di institusi yang sama beliau telah di hantar untuk berkhidmat di negeri Sabah. Mula menceburkan diri mengikuti pameran lukisan tempatan dan juga luar negara selepas mengikuti kursus seni visual di peringkat Diploma di UITM pada tahun 2000. Pada mulanya beliau hanya berjinak dengan pameran di peringkat daerah dan persatuan umpamanya di peringkat sekolah ,kolej dan juga daerah dengan lakaran yang menggunakan berbagai-bagi teknik dan media.

Biasanya beliau lebih senang melukis dengan ballpoint kerana merasakan alat tulis tersebut senang di beli di mana sahaja dan ia menerima apa sahaja satah



OBJEK Di Tamu. Lakaran Ballpoint. 2016 Koleksi BSLS